

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID [ HULU  
TERENGGANU ]**

**SOALAN NO. 382**

**Dato' Rosol bin Wahid [ Hulu Terengganu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah atau inisiatif seterusnya yang akan diambil Kementerian setelah Malaysia berjaya menduduki tangga ke-19 dari 141 buah negara seluruh dunia pada tahun 2018, sebagai sebuah negara yang mempunyai tahap persaingan lebih baik dalam bidang pendidikan sebagaimana diumumkan oleh World Economic Forum (WEF).

**JAWAPAN**

Aspirasi sistem pendidikan negara adalah untuk meletakkan Malaysia dalam kelompok sepertiga teratas dalam pentaksiran antarabangsa mengikut pengukuran TIMSS dan PISA di akhir pelaksanaan inisiatif-inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

PPPM merupakan pelan strategik yang telah dirangka bagi menghadapi cabaran abad ke-21 berasaskan dasar dan laporan terdahulu yang sangat besar pengaruhnya. PPPM berhasrat untuk melahirkan murid yang menepati standard antarabangsa. PPPM telah dilancarkan pada 11 Oktober 2011 dan kini berada dalam gelombang kedua pelaksanaannya.

PPPM berhasrat untuk mencapai lima keberhasilan bagi sistem pendidikan Malaysia secara keseluruhan, iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan, dan kecekapan. Selain keberhasilan sistem, pihak berkepentingan juga jelas tentang tahap kualiti yang perlu ada pada setiap individu murid iaitu

berpengetahuan, mempunyai kemahiran berfikir, berkemahiran memimpin, dwibahasa, etika dan kerohanian, serta mempunyai identiti nasional.

Kementerian telah mengenal pasti 11 anjakan yang perlu dilakukan bagi menghasilkan perubahan yang dihasratkan oleh semua rakyat Malaysia. Setiap anjakan perlu memberi impak kepada sekurang-kurangnya satu daripada lima keberhasilan sistem, iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan, dan kecekapan. Kualiti menjadi fokus utama merentasi semua anjakan kerana kualiti merupakan dimensi penting yang perlu diberikan perhatian segera. Sebahagian daripada anjakan ini merupakan perubahan strategi dan hala tuju pendidikan. Anjakan yang lain merupakan perubahan pelaksanaan dalam cara Kementerian dan sekolah melaksanakan dasar sedia ada. Sama ada perubahan bersifat strategi atau pelaksanaan, semuanya menggambarkan anjakan daripada amalan semasa.

Berdasarkan laporan Daya Saing Global, Forum Ekonomi Dunia (WEF) 2018, Malaysia menduduki tangga ke 25 daripada 140 buah negara dengan skor 74.38. Pencapaian tahun 2018 ini mengatasi tahun sebelumnya di mana Malaysia adalah antara tiga negara dari ekonomi bukan berpendapatan tinggi yang berada di kedudukan 40 teratas.

Bagi mengekalkan daya saing negara dalam bidang pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan inisiatif-inisiatif khusus seperti berikut:-

1. Melaksanakan transformasi penawaran program akademik universiti awam (UA) bagi memastikan program akademik yang hendak ditawarkan merupakan program yang relevan, terkini dan mempunyai kadar kebolehpasaran graduan yang tinggi. Manakala, program akademik yang dikekalkan dalam sistem penawaran adalah program yang menepati aspek keperluan tenaga negara, laluan kerjaya dan tahap kebolehpasaran graduan dan tiada duplikasi program akademik sedia ada dalam kalangan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).

2. KPM juga terus berusaha untuk memperbanyakkan program *partnership* dan kolaborasi dengan institusi terkemuka dunia melalui skim padanan geran penyelidikan. Antara kolaborasi tersebut adalah kerjasama dengan *Research Councils United Kingdom* (RCUK) sejak tahun 2016, *Japan Science and Technology Agency* (JST) sejak tahun 2015 dan *Japan International Cooperation Agency* (JICA) sejak tahun 2012. KPM juga dalam proses untuk bekerjasama dengan agensi penyelidikan antarabangsa yang berpotensi seperti *East Asia Europe, Department of Guangxi Zhuang Autonomous Region Republic of China* dan *E-Asia Joint Research Programme*.
  
3. KPM juga telah membangunkan sistem penarafan peringkat nasional untuk mengukur peningkatan kualiti IPT. Sistem penarafan yang dimaksudkan adalah *Malaysia Rating for University and College University Excellent* (SETARA), *Malaysian Quality Evaluation System* (MyQUEST) dan *Malaysia Research Assessment* (MyRA). Antara indikator terlibat dalam penilaian penarafan ini adalah kualiti program yang ditawarkan, tadbir urus yang baik, sistem pengurusan berkualiti, pengurusan pelajar antarabangsa, kebajikan pelajar, kualiti dan kuantiti penyelidik serta penyelidikan, inovasi dan jaringan & jangkauan. Sistem penarafan ini memberikan daya saing di antara IPT tempatan untuk menjadi yang terbaik dan berkualiti.